



UiTM bakal membuat perhitungan dengan UPSI pada aksi final selepas mereka membenam cabaran UPM di separuh akhir semalam.

UiTM tempah slot final SUKIPT 2022

PASUKAN bola sepak Universiti Teknologi Mara (UiTM) menepati ramalan apabila melangkah ke final temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 selepas membelasah Universiti Putra Malaysia (UPM) 5-1 semalam.

Kemenangan tersebut memastikan UiTM bersemangat untuk mempertahankan gelaran ibu pingat emas yang mereka peroleh pada edisi 2018.

Pada aksi yang berlangsung di padang Turf Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), skuad kendalian Mohd. Yazli Yahaya tidak menunggu lama apabila berjaya meledak gol seawal minit ke-10 menerusi Muhammad Zharif Nazhan Refli.

Tersentak dengan jaringan tersebut, UPM kembali mem-



perkemaskan corak serangan dan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-19 melalui gol Muhammad Aiman Norhakim Nordin.

Bagaimanapun, kedudukan itu tidak kekal lama apabila UiTM kembali memimpin perlawanan selang empat minit kemudian apabila Muhammad Faris Hafiz Azhar berjaya membolos gawang UPM sekaligus kedudukan 2-1 kekal hingga tamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua, Mu-

hammad Faris Azhar menjadi duri dalam daging buat UPM apabila sekali lagi merobek gawang pada minit ke-51 sebelum melengkapkan hatrik pada minit ke-74.

Sementara itu, Muhammad Zharif menamatkan hari cemerlang UiTM apabila sekali lagi mencetak nama sebagai penjaring pada minit ke-85.

Menanti UiTM di perlawanan akhir esok ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang berjaya menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2-0.

Dua gol UPSI dijaringkan oleh Mohd. Alief Najmi Mohd. Radzi pada minit 44 sebelum Muhammad Aiman Hakim Jaafar menggandakan kedudukan sembilan minit kemudian.